

## Wan Suraya dilantik ketua audit negara baharu

Dikemas kini 1 minggu yang lalu · Diterbitkan pada 12 Jun 2023 2:25PM · 0 Komen P



Wan Suraya Wan Mohd Radzi menggantikan Nik Azman Nik Abdul Majid yang tamat kontrak sebagai ketua audit negara pada Februari lepas. – Gambar Facebook, 12 Jun, 2023.

KETUA Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM) Wan Suraya Wan Mohd Radzi dilantik sebagai ketua audit negara berkuat kuasa esok, umum Ketua Setiausaha Negara Mohd Zuki Ali hari ini.

Zuki berkata pelantikan itu selaras dengan Perkara 105 (1) Perlembagaan Persekutuan dan mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja.

"Pelantikan beliau adalah berdasarkan kepada kepimpinan dan pengalaman luas sepanjang 29 tahun berkhidmat dalam perkhidmatan awam," kata Zuki dalam satu kenyataan.

Wan Suraya sebelum ini juga pernah berkhidmat sebagai ketua setiausaha di Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Pembangunan Usahawan, serta beberapa kapasiti di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri antaranya Timbalan Ketua Setiausaha (Strategi & Pemantauan).

Wan Suraya menggantikan Nik Azman Nik Abdul Majid yang tamat kontrak sebagai ketua audit negara pada Februari lepas. – Bernama, 12 Jun, 2023.

← Iklan oleh Google

Hentikan iklan ini

Mengapa iklan ini? ⓘ